

07 NOV 1996

Anwar - Raja

PEGUAM NEGARA NASIHAT MAJLIS RAJA-RAJA MENGENAI SULTAN KELANTAN

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata peruntukan undang-undang dan perlembagaan memerlukan seseorang Raja Melayu yang menghadiri mesyuarat Majlis Raja-raja diiringi oleh Menteri Besar selaku penasihat, atau seorang wakil yang dilantik oleh Menteri Besar itu sendiri.

Timbalan Perdana Menteri berkata peruntukan itu jelas menunjukkan bahawa seseorang Raja Melayu tidak boleh menghadiri mesyuarat Majlis Raja-raja jika baginda tidak diiringi penasihatnya atau wakil yang dilantik oleh penasihatnya.

"Saya ingat Majlis Raja-raja telah dimaklumkan (mengenai peruntukan undang-undang dan perlembagaan itu) dan keputusannya mungkin berkaitan," kata Anwar ketika ditanya sama ada ketidakhadiran Sultan Kelantan pada mesyuarat ke-174 Majlis Raja-raja selama dua hari yang berakhir hari ini, disebabkan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat tidak hadir kerana tidak dikehendaki oleh Sultan.

Sultan Kelantan telah dilaporkan tidak mahu Nik Aziz mengiringi baginda ke mesyuarat itu. Nik Aziz pula tidak melantik pengganti sebagai wakil beliau.

Anwar berkata beliau tidak tahu sama ada ketidakhadiran Sultan Kelantan pada mesyuarat yang berlangsung di Istana Negara itu ada kaitan dengan peruntukan berkenaan.

"Saya ingat mungkin Peguam Negara boleh bagi penjelasan. Bagi saya, kita perlu menghormati perlembagaan," katanya.

Sebagai contoh, Anwar berkata, kehadiran beliau pada mesyuarat itu adalah sebagai wakil yang dilantik oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mengenai laporan akhbar kononnya beliau akan diminta menerajui Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Anwar berkata : "Saya banyak kerja. Saya berminat dengan sukan tetapi tidak berminat dengan persatuan."

Bagaimanapun, katanya beliau sentiasa menyokong persatuan-persatuan sukan di negara ini dan apabila ada kelapangan, beliau sendiri turut aktif bersukan.

Anwar, yang juga Ketua Whip Barisan Nasional (BN) di Parlimen, turut ditanya mengenai kehadiran Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan anggota-anggota Parlimen BN di Dewan Rakyat.

"Kehadiran di Parlimen itu tidaklah banyak masalah. Kalau macam menteri (tidak hadir) itu kerana mereka bertugas," katanya.

Sebagai contoh, beliau berkata, ketidakhadiran Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik adalah dalam pengetahuan dan dengan keizinan Jabatan Perdana Menteri.

"Tidak adil kalau melihat hanya untuk sesi ini. Kalau kita lihat kehadiran Dr Ling secara keseluruhan adalah baik cuma mungkin dalam sesi lalu dan sesi ini beliau terlalu sibuk," katanya ketika diminta mengulas kenyataan anggota pembangkang yang mempertikaikan ketidakhadiran Dr Ling yang begitu kerap.

Dalam suratnya bertarikh 4 Nov lepas, Anwar telah mengarahkan Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan anggota-anggota Parlimen BN supaya menghadiri diri pada setiap hari Dewan Rakyat bersidang.

Katanya mereka perlu menulis surat kepada beliau jika tidak dapat menghadiri diri pada hari-hari tertentu. -- BERNAMA

AH MAI

